

Artikel

**“Majalah Mingguan, Pandangan dan Fikiran”**: Perkembangan Majalah Sinaran, 1950-1951  
(*“Majalah Mingguan, Pandangan dan Fikiran”*: The History of Sinaran Magazine, 1950-1951)

Muhammad Nur Arif Abdul Manaf<sup>1</sup> & Mohd Firdaus Abdullah<sup>2\*</sup>

<sup>1</sup>Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia 11800 USM, Pulau Pinang

<sup>2</sup>Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [mfa@ukm.edu.my](mailto:mfa@ukm.edu.my)

Diserah: 20 September 2024

Diterima: 20 November 2024

**Abstrak:** Peranan Singapura sebagai pusat perdagangan telah menjadikan lokasi tersebut sebagai tumpuan wartawan, penulis, sasterawan, dan bintang filem untuk mencipta karya. Ini telah memberi sumbangan tidak langsung kepada pertumbuhan industri percetakan, akhbar, industri media, dan hiburan. Keadaan ini juga mendorong timbulnya akhbar dan majalah berbahasa Melayu seperti Majalah Sinaran, yang memainkan peranan penting dalam pembangunan intelektual, sosial, dan politik masyarakat Melayu, sama ada sebelum atau selepas kemerdekaan Tanah Melayu. Majalah Sinaran, yang diterbitkan bermula pada tahun 1950, berfokus kuat pada isu-isu keagamaan dan memegang peranan penting dalam membincangkan isu-isu berkaitan Islam di Tanah Melayu dan di luar negara. Kajian ini bertujuan untuk meneliti sejauh mana perkembangan dan peranan Majalah Sinaran sebagai majalah bertemakan Islam di Tanah Melayu dari tahun 1950 hingga tahun 1951. Kajian ini menggunakan sepenuhnya pendekatan kualitatif yang melibatkan proses heuristik, kritikan, analisis, dan histriografi. Hasil kajian menunjukkan bahawa Majalah Sinaran memainkan peranan penting dalam memperjuangkan isu-isu berkaitan Islam yang berlaku di Tanah Melayu. Situasi ini juga boleh dilihat melalui keterlibatan majalah ini dalam tragedi Natrah, yang menyebabkan pihak British merasa terancam dengan penerbitan majalah ini melalui tulisan pengarangnya, Karim Ghani. Tambah implikasi kajian Kajian ini menonjolkan sumbangan signifikan Majalah Sinaran dalam membentuk wacana isu-isu berkaitan Islam di Tanah Melayu. Pendekatan editorialnya yang berani bukan sahaja menyediakan platform untuk perbincangan intelektual, tetapi juga mencerminkan aspirasi sosio-politik yang lebih luas dalam kalangan masyarakat Melayu. Selain itu, kajian ini menunjukkan bagaimana media cetak boleh menjadi ejen perubahan, yang mempengaruhi perkembangan intelektual dan budaya yang bertumpukan di Tanah Melayu.

**Kata kunci:** Majalah Sinaran; Tanah Melayu; Karim Ghani; Melayu; Islam

**Abstract:** Singapore's position as a trade hub has transformed it into a magnet for journalists, writers, literary figures, and film stars seeking inspiration for their works. This has indirectly contributed to the growth of the printing, press, media, and entertainment industries. Such a dynamic environment also fostered the emergence of Malay-language newspapers and magazines, such as Majalah Sinaran. These publications played a crucial role in the intellectual, social, and political development of the Malay community, both before and after the independence of Malaya. Majalah Sinaran, first published in 1950, had a strong focus on religious issues and played a significant role in addressing Islamic matters in Malaya and beyond. This study aims to examine the development and role of Majalah Sinaran as an Islam-themed magazine in Malaya from 1950 to 1951.

Employing a fully qualitative approach, the research incorporates heuristic processes, criticism, analysis, and historiography to understand the magazine's impact. The findings reveal that *Majalah Sinaran* played a pivotal role in advocating for Islamic-related issues in Malaya. Its involvement in significant events, such as the Natrah tragedy, further underscored its influence. During this incident, the magazine's editor, Karim Ghani, wrote articles that alarmed British authorities, who perceived the publication as a threat to their governance. This study highlights the significant contributions of *Majalah Sinaran* in shaping the discourse on Islamic issues in Malaya. Its bold editorial approach not only provided a platform for intellectual discussions but also reflected the broader socio-political aspirations of the Malay community. Furthermore, this study demonstrates how print media can serve as an agent of change, influencing intellectual and cultural development centered in Malaya.

**Keywords:** Sinaran, Malaya, Karim Ghani, Malay, Islam

## Pengenalan

Akhbar dan majalah dilihat telah memainkan peranan yang besar terhadap perkembangan intelektual, sosial, dan politik masyarakat Melayu sama ada sebelum mahupun setelah kemerdekaan Tanah Melayu. Akhbar dan majalah juga bukan sahaja merakamkan peristiwa semasa yang berlaku, malahan mencerminkan tahap pemikiran dan kualiti masyarakat yang melatarinya. Pada peringkat awal, akhbar dan majalah Melayu bukan sekadar menyiarkan berita-berita semasa yang bersifat umum, malahan dalam peringkat tertentu, akhbar dan majalah Melayu awal memperlihatkan penggunaannya sebagai satu wadah untuk orang Melayu menyatakan keperluan khusus khalayak pembacanya (Hamedi, 2015). Hal ini dapat dilihat daripada kewujudan akhbar dan majalah yang mengkhususkan kepada perihal pendidikan, hiburan, agama, suara persatuan atau organisasi, dan malahan politik. Melihat kepada wujudnya sistem persuratkhabaran di Tanah Melayu, fasa awal akhbar Melayu iaitu sebelum merdeka memperlihatkan ciri penulisannya yang menggunakan tulisan Jawi dan terdapat majalah yang tertentu menggunakan tulisan Rumi, di mana penggunaan ini masih berlanjutan sehingga setelah merdeka. Penerbitan majalah Melayu sebelum kemerdekaan pada awalnya tertumpu di Singapura, yang ketika itu merupakan sebuah koloni British, sehingga wilayah tersebut digelar sebagai pusat penerbitan Melayu (Mohd Shahrul Azha et al., 2022). Namun setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, penerbitan majalah Melayu mulai berpindah dan tertumpu di Kuala Lumpur (Hamedi, 2013). Selain itu, penerbitan majalah Melayu yang dilihat begitu rancak di Tanah Melayu juga telah didorong oleh kemasukan teknologi mesin cetak misalnya mesin cetak yang menggunakan sistem blok huruf (Mohd Shahrul Azha & Arba'iyah, 2019).

Melihat kepada sejarah penerbitan majalah di negara, sebagaimana menurut Hamedi Mohd Adnan (2015) bahawa majalah pertama yang diterbitkan di Tanah Melayu adalah *Bustan Ariffin* yang telah diterbitkan oleh Anglo Chinese Press yang berpusat di Melaka dan disunting oleh seorang paderi Kristian Claudius Thomsen dan dibantu oleh Abdullah Abdul Kadir Munsyi. Majalah Melayu yang sebenar-benarnya telah diterbitkan pada tahun 1904 melalui penerbitan *Majalah Khizanah* di Kuala Kangsar dan diikuti oleh *Al-Imam* dua tahun kemudian di Singapura (Hamedi, 2015). Pada dekad 1950an, pelbagai majalah didapati telah muncul dalam dunia penerbitan majalah yang diibaratkan seperti cendawan tumbuh selepas hujan. Antara majalah yang dilihat banyak membincangkan isu berkaitan sosio masyarakat Melayu sepanjang penerbitannya ialah majalah *Sinaran* yang diterbitkan pada 1950 hingga 1951.

Penerbitan majalah di Tanah Melayu sejak puluhan tahun yang lalu dilihat telah memberikan satu sumbangan yang penting kepada masyarakat di Tanah Melayu iaitu sekitar awal abad ke-20. Hal ini demikian kerana majalah merupakan sebahagian daripada alat komunikasi yang berperanan sebagai penyampai maklumat kepada masyarakat. Malah, penerbitan majalah dilihat telah menjadi lidah rakyat dalam menyampaikan hasrat, pandangan dan kritikan kepada pemerintah. Sebagaimana menurut A. M. Iskandar Haji Ahmad:

*...majalah adalah besar sekali kegunaannya. Di antara kegunaan-kegunaan itu dapat kita sebutkan di sini, ialah sebagai alat untuk mendapatkan perkhbaran, menyatakan pendapat, memberikan penerangan,*

*membimbing, mendidik... di samping itu juga sebagai alat untuk mengkritik ketidakadilan, memperbaiki cara kerja dan metode perjuangan serta mempertinggi kesedaran politik...(Drs. A. M. Iskandar, 1980).*

Hal ini sebagaimana yang dilihat daripada penerbitan Majalah Sinaran yang sebagai salah sebuah majalah Melayu yang bertemakan keagamaan dan menyiarkan rencana yang bercorak keagamaan, di samping terdapat juga perbincangan lain yang berguna misalnya ruangan Al-Quran, hadis, politik, ruangan kanak-kanak dan ruangan kaum ibu dari 1950 hingga 1951.

### **Metodologi**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya, dengan reka bentuk kajian yang dirancang secara sistematik untuk mencapai objektiviti penyelidikan. Beberapa proses telah dikenal pasti sebagai langkah utama untuk menyempurnakan kajian ini. Proses pertama dalam kajian ini ialah heuristik, yang melibatkan usaha mengenal pasti, mengumpul, dan meneliti bahan serta sumber berkaitan Majalah Sinaran. Sumber ini termasuk dokumen primer seperti edisi Majalah Sinaran itu sendiri, di samping sumber sekunder seperti buku, jurnal, tesis, dan dokumen berkaitan. Kajian keperpustakaan telah dilaksanakan di pelbagai institusi seperti Arkib Negara Malaysia, Arkib Negara Malaysia Cawangan Pulau Pinang, Perpustakaan Negara Malaysia, serta perpustakaan di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) seluruh Malaysia. Proses ini bertujuan untuk memastikan sumber yang dikumpul adalah relevan dan mencukupi. Selepas pengumpulan data, langkah seterusnya ialah proses kritikan sumber. Dalam proses ini, sumber yang diperoleh akan dibandingkan dengan sumber sekunder untuk menilai kesahihan dan ketepatannya. Proses ini penting bagi memastikan maklumat yang digunakan bebas daripada ketidaktepatan atau bias, sekaligus menyingkirkan maklumat yang tidak relevan dengan kajian ini.

Setelah proses kritikan selesai, kajian ini akan melalui fasa analisis data. Pada tahap ini, penyelidik akan membuat penyimpulan daripada sumber primer dan sekunder yang telah disahkan. Analisis ini akan menghasilkan sintesis yang membantu merumuskan dapatan kajian dengan lebih terperinci. Langkah terakhir dalam kajian ini adalah penulisan sejarah, atau lebih dikenali sebagai historiografi. Dalam proses ini, hasil analisis akan disusun secara sistematik untuk memastikan objektiviti dalam penulisan sejarah tercapai. Penulisan ini bukan sahaja merumuskan dapatan kajian tetapi juga menghubungkannya dengan kerangka sejarah yang lebih luas, sesuai dengan objektif kajian ini. Kajian ini sangat bergantung kepada dokumen rasmi seperti Majalah Sinaran, selain bahan sekunder seperti jurnal, buku, dan tesis. Penggunaan sumber-sumber ini bertujuan memberikan gambaran yang menyeluruh terhadap peranan dan sumbangan Majalah Sinaran dalam konteks sejarah dan sosial masyarakat Melayu.

### **Hasil Kajian dan Perbincangan**

#### **1. Pengasasan dan Penerbitan Majalah Sinaran**

Majalah Sinaran telah diterbitkan oleh Muslim Publishing House Ltd. yang beralamat di No. 123, Serangoon Road, Singapura dan diterajui oleh barisan pengarang yang dilihat cukup berwibawa dalam bidang keagamaan iaitu merujuk kepada M. Karim Ghani dan Syed Ahmad Dahlan di samping Sardon Jubir yang bertindak sebagai penasihat editorialnya (Hamedi, 2013). Majalah Sinaran merupakan sebuah majalah yang diterbitkan secara mingguan iaitu pada setiap hari Sabtu dengan harga 35 sen senaskhah (Majalah Sinaran, Bil. 1, 14 Ogos 1950). Secara ringkasnya majalah ini diterbitkan dengan tulisan jawi dan berukuran lebar 7.5 inci, panjang 10.2 inci (Drs. A. M. Iskandar, 1980). Majalah Sinaran menggunakan motto "*Majalah Mingguan, Pandangan dan Fikiran*" bagi menggambarkan matlamat penerbitan majalah ini. Majalah Sinaran merupakan majalah yang bertemakan teologi yang dilihat pada perbincangannya yang secara umumnya sering menyiarkan penulisan-penulisan atau perbincangan berkaitan kepentingan agama Islam. Selain itu, terdapat juga perbincangan lain yang berguna misalnya ruangan Al-Quran, hadis, politik, ruangan kanak-kanak dan ruangan kaum ibu. Sebagaimana menurut Hamedi Mohd Adnan:

*Dinyatakan pada 28 April 1951 bahawa Sinaran akan “menyiarkan rencana-rencana yang berguna, terutamanya berkenaan dengan Quran dan hadis... pendeknya tetaplh Sinaran ini sifatnya sebuah majalah agama seperti tujuannya yang asal... disebut majalah agama, maka bukanlah maknanya rencana-rencana yang akan disiarkan di dalamnya hanya membicarakan perkara-perkara ibadat sahaja, melainkan mengenailah segala cawangan kehidupan (Hamedi, 2013).*

Sepanjang penerbitannya, Majalah Sinaran dilihat memainkan peranan dalam menyeru dan membangkitkan kesedaran dan semangat dalam kalangan masyarakat Melayu di Tanah Melayu dengan mendalami ayat-ayat Al-Quran dan hadis-hadis Nabi. Sebagaimana menurut penulisan editornya:

*“Majalah kita ini ditujukan tepat kepada orang-orang Melayu yang mempunyai darah keislaman yang sebenar, mahu mengetahui dan menambah ilmu pengetahuan dan mahu mengetahui isi-isi Al-Quran.” (Hamedi, 2013).*

Melalui kenyataan di atas, dapat dilihat penerbitan dan pengasasan majalah ini lebih ke arah tanggungjawab dan bukannya berorientasikan keuntungan dalam usaha para pengarangnya menyediakan masyarakat Melayu dengan panduan pengetahuan Islam yang kompleks. Malah menurut Hamedi Mohd Adnan (2013) dan Mohd Shahrul Azha (2021) menyatakan sekiranya dibandingkan penulisan dan perbincangan agama antara Majalah Sinaran dengan Majalah Qalam, didapati Majalah Sinaran lebih membawa kepada perbincangan agama yang kompleks, mendalam dan terkehadapan serta dikaitkan dengan sosial, politik dan ekonomi umat Islam di Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, perjalanan majalah Sinaran tidaklah begitu panjang iaitu hanya bertahan selama 2 tahun bermula dari tahun 1950 sehingga 1951. Hal ini disebabkan oleh beberapa faktor yang membawa kepada kemerosotan majalah tersebut antaranya faktor pemindahan Syed Ahmad Dahlan ke Bahagian Melayu, *Voice of America* di New York sehingga menyebabkan Majalah Sinaran berada dalam keadaan yang terumbang-ambing di tengah kesibukan Karim Ghani berjuang dalam kes Nadrah (Hamedi, 2013). Selain itu, faktor keterlibatan Karim Ghani dalam isu Nadrah pada tahun 1950 sehingga membuatkan beliau ditangkap oleh British dan dihantar pulang ke Pakistan turut menjadi penyebab kepada kejatuhan majalah ini. Hal ini sebagaimana yang disebutkan oleh Syed Muhd Khairudin Al-Junied dalam penulisannya: *“The tabloid Dawn, which was the mouthpiece of Karim Ghani, had ceased following the editor’s arrest.” (Syed Muhd Khairudin Al-Junied, 2008).*

## 2. Latar Belakang Pengasas Majalah Sinaran

Majalah Sinaran telah diasaskan oleh Karim Ghani atau Abdul Mohammed Abdul Karim Ghani pada 14 Ogos 1950 (Syed Muhd Khairudin Al-Junied, 2008; Hamedi, 2013). Beliau dilahirkan di Madras, India dan mendapat pendidikan di Ceylon atau Sri Lanka. Karim Ghani telah dibesarkan di Rangoon, Burma di mana beliau menjadi Setiausaha Parlimen di bawah pimpinan Dr. Ba Maw. Setelah berlakunya Perang Dunia Kedua, Karim Ghani telah berhijrah ke wilayah pendudukan Jepun iaitu Tanah Melayu dan telah dilantik sebagai Menteri Propaganda dalam kerajaan bayangan India yang dipimpin oleh Subhas Chandra Bose (Haja Maideen, 1989). Setelah berakhirnya Perang Dunia Kedua, Karim Ghani telah dipenjarakan dan kemudiannya dilepaskan tanpa pembicaraan dan pernah ditahan dalam wad sakit jiwa pada tahun 1946 (Syed Muhd Khairudin Al-Junied, 2008).

Setelah dibebaskan, Karim Ghani telah menerajui penerbitan beberapa surat khabar dan majalah di Pulau Pinang dan Singapura namun semuanya tidak tahan lama dan bersifat sementara. Menjelang September 1949, Karim Ghani telah menjadi pengurus besar kepada Muslim Publishing House dan bertindak sebagai ketua editor bagi akhbar Tamil, Malaya Nanban, penyunting kepada akhbar Inggeris, Dawn dan mengasaskan serta menyunting Majalah Sinaran (Fatini, 2011). Karim Ghani turut bergiat aktif dalam politik di mana beliau dilantik sebagai Presiden kepada Liga Muslim Singapura atau Muslim League of Singapore dan All-Malaya Muslim Missionary Society (Husain Haikal & Atiku Garba Yahaya, 1996). Penglibatan beliau dalam politik dilihat menonjol apabila beliau terlibat dalam kontroversi berkaitan Nadrah atau Maria Huberdina Hertogh di Singapura pada tahun 1950. Hal ini terbukti pada 17 November 1950 apabila Karim Ghani mengambil alih pengurusan kes Nadrah daripada M. A. Majid (Mohd Firdaus et al., 2021).



Gambar 1. Muka hadapan Majalah Sinaran Bilangan  
Sumber: Majalah Sinaran, Bilangan 20, (1951)

Namun demikian, pada tahun 1950, Karim Ghani telah ditahan di Singapura berikutan berlakunya Rusuhan Nadrah (Tom Eames Hughes, 1980). Hal ini telah menyebabkan karier beliau berakhir sama sekali. Berikutan penangkap beliau ini telah menyebabkan penerbitan majalah Sinaran terumbang-ambing dan bermasalah (Syed Muhd Khairudin Al-Junied, 2008). Hal ini dapat dilihat melalui hebahan Majalah Sinaran bilangan 24:

*Oleh kerana Tuan Karim Ghani berada di dalam tahanan, maka kitab Siratul Mustaqim tidaklah boleh dikarang sekarang (Majalah Sinaran, Bil. 24, 3 Februari 1951).*

### 3. Pasaran dan Pemasaran Majalah Sinaran

Perbincangan berkaitan pasaran dan pemasaran majalah di Tanah Melayu merupakan aspek yang penting bagi mengukur kebolehpasaran sesebuah akhbar atau majalah, terutama sekali bagi penerbitan selepas Perang Dunia Kedua. Hal ini kerana pada ketika ini didapati masyarakat telah mula celik huruf (Hamedi, 2013). Hal ini dapat dilihat melalui sirkulasi akhbar dan majalah yang diterbitkan oleh penerbit akhbar dan majalah yang pernah beroperasi di Tanah Melayu ketika itu. Selain faktor masyarakat celik huruf, pasaran majalah juga bergantung kepada sebahagian besar sirkulasi yang terdiri daripada sirkulasi berbayar melalui jualan naskah di premis jualan (Hamedi & Jenny Heng, 2010). Terdapat juga sirkulasi berbayar melalui pakej langganan secara mingguan, bulanan dan tahunan yang dilihat dilaksanakan berdasarkan kemampuan masyarakat untuk membeli majalah pada ketika itu. Pada tahun 1930-an, purata sirkulasi majalah Melayu ialah sebanyak 1000 naskah, manakala pada tahun 1950-an pula meningkat sebanyak 3000 naskah (Hamedi, 2013).

Berbalik kepada penerbitan Majalah Sinaran, pada peringkat awal, majalah tersebut telah dijual dengan harga 25 sen senaskah dan mula dinaikkan harganya sebanyak 10 sen bermula pada penerbitan bilangan ke-24 (Majalah Sinaran, Bil. 24 3 Februari 1951). Mengenai kenaikan harga majalah Sinaran ini, penulis melihat hal ini disebabkan oleh faktor kenaikan kos sewa premis dan bahan percetakan seperti kertas dan mesin cetak.

Sebagaimana yang disampaikan oleh pengarang majalah ini sendiri dalam bilangan 24, terbitan 3 Februari 1951 dan bilangan 26, terbitan 17 Februari 1951:

*Berlanjutan peperangan Korea telah menyebabkan naik harga kertas empat kali ganda daripada biasa, yang mana hal itu menjadi sepahit2 percubaan kepada alam persuratkhabaran (Majalah Sinaran, Bil. 24 3 Februari 1951).*

*Harga langganan... harga tersebut termasuk belanja pusat. Tiap2 langganan yang kurang daripada 3 bulan tidak diterima (Majalah Sinaran, Bil. 26 17 Februari 1951).*

Meskipun kenaikan harga sebanyak 10 sen itu dilihat agak rendah, namun keadaan semasa masyarakat Melayu ketika itu yang masih lagi dibelenggu kemiskinan dan berada dalam penjajahan telah menyebabkan para pengarang bimbang terhadap kelangsungan majalah ini. Hal ini dapat dilihat melalui bilangan 24, terbitan 3 Februari 1951 apabila pengarang cuba menakutkan para pembaca dengan menyatakan kenaikan harga Majalah Sinaran adalah bersifat sementara berikutan kenaikan harga kertas sebanyak 3 hingga 4 kali ganda (Majalah Sinaran Bil. 24 3 Februari 1951). Malah Hamed Mohd Adnan (2013) berpendapat:

*Sesungguhnya harga memainkan peranan yang cukup penting untuk menarik perhatian pembaca, apatah lagi dalam keadaan ekonomi masyarakat Melayu ketika itu yang masih mundur. Teori permintaan yang mudah menyatakan bahawa kuantiti pembelian akan bertambah jika harganya rendah. Sebaliknya kuantiti yang dibeli akan berkurang jika harganya tinggi.*

Jadual 1. Jumlah penerbitan majalah Melayu selepas perang dunia kedua

Majalah	Hayat	Tahun Nilaian	Harga (Rm)	Sirkulasi	Harga X Sirkulasi	Ratio Iklan: Editorial	% Ratio
Kesatuan Islam	1945-1946	1946	0.60	2500n	RM1500	0:36	0
Pengasoh	1946-2000	1952	0.50	600n	RM300	1:18	5.5
Hiboran	1946-1958	1950	0.25	3500n	RM875	2:66	3.0
Mujallah Guru	1947-1968	1953	0.60	3000n	RM1800	3:34	8.8
Qalam	1950-1969	1953	0.60	3000n	RM1800	3:40	7.5
Sinaran	1950-1951	1950	0.25	5000n	RM1250	2:28	7.1
Suara UMNO	1951-1953	1953	0.30	21600n	RM6480	4:24	16.7

Sumber: Hamed Mohd Adnan. (2013)

Jadual 1 menunjukkan jumlah penerbitan majalah Melayu selepas Perang Dunia Kedua. Secara keseluruhannya Suara UMNO merupakan majalah terlaris apabila berjaya dijual sebanyak 21600 naskah meskipun penerbitan majalah ini hanya berlangsung selama 3 tahun dari tahun 1951 sehingga tahun 1953. Manakala Kesatuan Islam juga berjaya terjual 2500 naskah meskipun penerbitan ini hanya berlangsung selama setahun sahaja dari tahun 1945 sehingga tahun 1946. Namun begitu, sekiranya dianalisis dengan mendalam, Majalah Sinaran yang berdaftar dibawah *Federal Government Gazette 1948-1957* dan *Singapore Government Gazette 1946-1957* juga merupakan antara majalah yang laris meskipun penerbitan yang hanya berlangsung selama 2 tahun dari tahun 1950 sehingga tahun 1951. Didapati dalam tempoh yang dinyatakan, Majalah Sinaran berjaya terjual sebanyak 5000 naskah (Hamed, 2013). Pada pendapat penulis, situasi yang dinyatakan berlaku ekoran Majalah Sinaran mempunyai pakej langganan majalah yang menarik dan mampu milik kepada para pembacanya. Pakej langganan adalah bermula pada penerbitan bilangan 26 di mana langganan yang tersedia iaitu langganan setahun sebanyak \$16.50, 6 bulan \$8.50 dan 3 bulan \$4.50 (Majalah Sinaran Bil. 26 17 Februari 1951).

Selain itu, Majalah Sinaran juga mempunyai ruangan iklan yang memperlihatkan wujudnya satu perkembangan baharu dalam dunia penerbitan majalah di Tanah Melayu khususnya selepas zaman perang. Ruangan iklan dilihat diwujudkan bertujuan untuk penjanaaan sesebuah majalah. Melalui iklan yang diterbitkan, penerbit akan memperoleh bayaran dan pendapatan tersebut akan dialirkan untuk kelangsungan

penerbitan majalah tersebut selepas itu. Hampir kesemua majalah Melayu yang diterbitkan pada zaman selepas memperlihatkan ada ruang pengiklanan di dalam majalah mereka termasuklah Majalah Sinaran. Malah Majalah *Qalam* melalui pengasasnya Syed Abdullah bin Hamid Al-Edrus (Edrus) dilihat turut menggunakan pendekatan yang sama dalam meningkatkan pendapatan melalui penerbitan majalah tersebut dari 1948 sehingga tahun 1969 (Mohd Shahrul Azha et al, 2021).

Seterusnya, dunia penerbitan majalah Melayu juga memperlihatkan penggunaan teknologi mesin percetakan. Kemunculan teknologi mesin cetak telah mendorong kebanyakan penerbit majalah untuk mencetak sendiri majalah mereka. Hal ini kerana bertujuan untuk menjimatkan kos pengurusan dan mencapai keuntungan yang diinginkan melalui penerbitan yang diuruskan sendiri. Hal ini kerana sekiranya menggunakan khidmat pencetak luar, ia akan menelan perbelanjaan yang tinggi. Pada ketika itu, teknologi mesin cetak yang digunakan oleh kebanyakan akhbar dan majalah Melayu termasuk Majalah Sinaran ialah mesin cetak yang menggunakan kaedah blok huruf. Kaedah percetakan ini dikatakan digunakan sehingga tahun 1950an (Mohd Shahrul Azha et al, 2022).

#### 4. Perbincangan Isu dalam Majalah Sinaran

Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, Majalah Sinaran merupakan sebuah majalah yang bertemakan keagamaan namun terdapat juga perbincangan lain yang diyakini bermanfaat kepada para pembacanya. Hal ini dapat dilihat melalui kenyataan pengarang pada terbitan pertamanya sebanyak lima halaman yang secara ringkasnya bermaksud:

*“Majalah kita ini ditujukan tepat kepada orang-orang Melayu yang mempunyai darah keislaman yang sebenar, mahu mengetahui dan menambah ilmu pengetahuan dan mahu mengetahui isi-isi Al-Quran.”* (Majalah Sinaran Bil. 1 14 Ogos 1950).

Majalah Sinaran mempunyai beberapa ruang wacana yang seringkali diterbitkan di dalam keluaran-keluarannya seperti ruangan kemanisan iman, tafsir Al-Quran dan Hadis, bahagian perempuan, ruangan kaum ibu, halaman pujangga untuk syair dan sajak, ilmu tauhid, ruangan politik dan apa ertinya agama. Misalnya bagi ruang wacana kemanisan iman, tafsir Al-Quran dan Hadis, Majalah Sinaran telah membawa kepada perbincangan agama yang kompleks dan seringkali dikaitkan dengan sosial, politik dan ekonomi umat Islam. Hal ini misalnya pada bilangan 1, pengarang memuatkan perbincangan agama yang bertajuk *“Membangkitkan Semula Semangat Islam”* yang memuatkan perbincangan Islamik berkenaan sosial dan politik umat Islam (Majalah Sinaran, Bil. 1, 14 Ogos 1950).

Selain perbincangan berkenaan soal agama, Majalah Sinaran juga membawa kepada para pembacanya kepada laporan isu dan berita dunia luar seperti Perang Korea yang berlaku pada tahun 1950 dan juga isu politik Kerajaan Islam di luar Tanah Melayu. Sebagai contohnya, berkenaan Makkah iaitu *“Keadaan Negeri Mekah”* yang memperihalkan secara terperinci berkenaan Kota Mekah yang menjadi kiblat umat Islam (Majalah Sinaran Bil. 2 26 Ogos 1950). Bahkan perbincangan berkenaan Kota Mekah dilihat meliputi beberapa kali penerbitan dalam majalah Sinaran.

Selain itu, Majalah Sinaran juga memperlihatkan perbincangan dan tumpuan berkenaan tragedi Natrah yang berlaku pada tahun 1950. Hal ini dapat dilihat daripada beberapa penulisan atau rencana yang terdapat dalam beberapa terbitan Majalah Sinaran. Misalnya dalam Majalah Sinaran bilangan 15 iaitu pada muka hadapannya terpapar gambar Nadrah sedang berdoa (Majalah Sinaran Bil. 15, 25 November 1950). Majalah Sinaran juga melalui pengarang utamanya Karim Ghani turut memperlihatkan perbincangan berkenaan isu Nadrah sama ada secara langsung dan tersirat. Sebagai contohnya dalam bilangan 17 yang diterbitkan pada 9 Disember 1950, terdapat rencana yang ditulis oleh Karim Ghani yang bertajuk *“Perjuangan Yang Pahit”* di mana beliau cuba mengaitkan isu umat Islam di Rusia dan China yang dilihat sedang mengalami tekanan daripada pemerintah yang bukan Islam dengan tragedi Nadrah yang sedang berlaku pada ketika itu. Penulisan Karim Ghani berkaitan Nadrah dilihat agak menyeluruh berbanding majalah dan akhbar lain. Hal ini dapat dikaitkan dengan kedudukannya sebagai pengerusi Jawatankuasa



Tindakan Nadrah atau *Nadra Action Committee* (NAC) yang telah ditubuhkan bersama beberapa orang pemimpin Melayu lain seperti Dr. Burhanuddin al-Helmy dan Muhammad Taha Kalu (Haja Maideen, 1989).



Gambar 2. Muka hadapan Majalah Sinaran Bilangan 15  
Sumber: Majalah *Sinaran*, Bilangan 15-(1950)

##### 5. Implikasi Penerbitan Majalah Sinaran di Tanah Melayu, 1950-1951

Disebabkan hayat Majalah Sinaran tidaklah begitu panjang iaitu hanya 2 tahun bermula dari tahun 1950 sehingga 1951, agak sukar untuk mengukur bagaimana majalah ini memberi kesan kepada para pembacanya melalui rencana-rencana yang disiarkan dalam setiap edisi penerbitannya. Namun begitu, penglibatan majalah ini dalam isu Nadrah dilihat telah mengetengahkan peranan dan sumbangan majalah ini di Tanah Melayu pada ketika itu. Karim Ghani yang terlibat secara langsung dalam tragedi Nadrah telah menggunakan majalah Sinaran sebagai lidah rasmi untuk beliau menyampaikan pemikirannya dalam membangkitkan kesedaran masyarakat Melayu dan Islam pada ketika itu berkenaan Nadrah. Antara pelaporan Karim Ghani berkenaan isu Nadrah yang dapat dilihat memperjuangkan isu Nadrah antaranya ialah rencana "*Perjuangan Yang Pahit*" yang pernah pengkaji nyatakan sebelum ini. Malah Fatini Yaacob (2011) juga menyatakan bahawa Karim Ghani telah menggunakan Majalah Sinaran dalam menyampaikan maklumat berkaitan isu Nadrah sehinggakan majalah ini diedarkan secara percuma kepada orang Melayu yang datang ke Singapura sebelum teretusnya Rusuhan Nadrah selepas itu.

Namun demikian, hal ini telah membuatkan pihak British di Singapura berasa terancam dengan penerbitan Majalah Sinaran. Mereka melihat Majalah Sinaran melalui Karim Ghani sebagai ancaman dan dilihat sebagai satu tindakan provokatif. Perkara ini telah disebut oleh Tom Eames Huges (1950):

*"Anyway, in 1950 he seems to have held some levers in Singapore. He took the opportunity to use Maria's case in ways that can only be described as provocative."*

Menurut Syed Muhd Khairudin Al-Junied (2018), British melihat punca kepada berlakunya rusuhan di Singapura adalah dipicu oleh lima perkara antaranya ialah idea atau pemikiran peribadi Karim Ghani.



Akhirnya, Karim Ghani telah ditahan bersama beberapa orang pemimpin lain oleh British ekoran dikatakan menjadi dalang kepada Rusuhan Nadrah (Malaya Tribune 19 December 1950). Situasi ini juga menyebabkan karier Karim Ghani telah berakhir dengan penghantaran balik ke Pakistan yang pada mulanya British bercadang menghantarnya ke India. Namun Kerajaan India telah menolak rancangan tersebut dengan alasan mereka risau jika Karim Ghani akan mengulangi perkara yang sama seperti di Singapura. Karim Ghani dikatakan telah memilih dengan kehendaknya sendiri untuk dihantar pulang ke Pakistan (The Straits Times, 1 May 1954).

### Kesimpulan

Konklusinya, Majalah Sinaran dilihat berperanan penting dalam memperjuangkan isu-isu berkaitan Islam di Tanah Melayu dari tahun 1950 sehingga tahun 1951. Malah didapati, perjuangan yang dinyatakan terutamanya yang melibatkan tragedi Nadrah mencapai kejayaan yang tersendiri sehingga menyebabkan British berasa terancam dengan penerbitan majalah ini melalui lidang pengarangnya, Karim Ghani. Meskipun karier Karim Ghani didapati berakhir, penerbitan Majalah Sinaran memperlihatkan bagaimana sesebuah majalah memberikan sumbangan penting dalam menjaga kepentingan agama Islam di Tanah Melayu sebelum kemerdekaan. Malah didapati, Karim Ghani bersama-sama pengarang yang lain bertanggungjawab dalam menyampaikan dan melaporkan rencana berkaitan ajaran dan kepentingan Islam bagi para pembacanya dalam tempoh yang dinyatakan. Melalui motto majalah ini “*Majalah Mingguan, Pandangan Dan Fikiran*” ia dilihat telah mencapai matlamatnya dalam menyampaikan pandangan dan fikiran pengarang berkaitan isu dan hal ehwal Islam di Tanah Melayu dari tahun 1950 sehingga tahun 1951.

**Penghargaan:** Para Penulis ingin melahirkan penghargaan kepada Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia diatas galakan dan sokongan sepanjang penghasilan penulisan ini.

### Rujukan

- Drs. A. M. Iskandar Haji Ahmad. (1980). *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fatini Yaacob. (2010). *Natrah (1937-2009) Nadra @ Huberdina Maria Hertogh @ Bertha: Cinta, Rusuhan, Air Mata*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Husain Haikal & Atiku Garba Yahaya. (1996). Muslim Organizations In Singapore: An Historical Overview. *Islamic Studies*, 35(4), 435–447.
- Haja Maideen. (1989). *Kontroversi Maria Hertogh, Tragedi Nadra*. Selangor: Ibs Buku Sdn.Bhd.
- Hamed Mohd Adnan & Jenny Heng Gek Koon. (2010). Trend Pendapatan Iklan Bagi Majalah Melayu dan Inggeris. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 12(2), 98.
- Hamed Mohd Adnan. (2013). *Majalah Melayu Selepas Perang: Editorial, Sirkulasi dan Iklan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hamed Mohd Adnan. (2015). *100 Akhbar Melayu*. Kuala Lumpur: Institusi Terjemahan & Buku Malaysia.
- Tom Eames Hughes. (1980). *Tangled Worlds: The Story of Maria Hertogh*. Institute of Southeast Asian.
- Majalah Sinaran. Bil. 1. 14 Ogos 1950.
- Majalah Sinaran Bil. 15, 25 November 1950.
- Majalah Sinaran. Bil. 17, 9 Disember 1950.
- Majalah Sinaran. Bil. 20. 20 Januari 1951
- Majalah Sinaran. Bil. 24. 3 Februari 1951.
- Majalah Sinaran. Bil. 26 17 Februari 1951
- Malaya Tribune. 19 December 1950
- Mohd Firdaus Abdullah, Arba'iyah Mohd Noor, Mohd Shahrul Azha Mohd Sharif, Norasmahani Hussain & Norazilawati Abd Wahab. (2021). Di Sebalik Isu Natrah, 1950 : Reaksi Pembaca The Straits Times Terhadap Tragedi Natrah. *Journal of Al-Tamaddun*. 16(1), 47-64.

- Mohd Shahrul Azha Mohd Sharif, & Arba'iyah Mohd Noor. (2019). Syed Abdullah Hamid Al-Edrus: Penulis Penerbit dan Pengasas Qalam. *Sejarah: Journal of History Department*, 28(1), 86-101.
- Mohd Shahrul Azha Mohd Sharif, Arba'iyah Mohd Noor & Mohd Firdaus Abdullah. (2024). *Di Sebalik Isu Perkahwinan Nadrah: Tumpuan Terhadap Pandangan Ahmad Luthfi dalam Majalah Qalam (1950–1963)*. *Kajian Malaysia*, 42(1), 341-365
- Mohd Shahrul Azha Mohd Sharif, Arba'iyah Mohd Noor & Mohd Firdaus Abdullah. (2022). Perkembangan Syarikat Percetakan Qalam Press, 1948-1969. *Jurnal Komunikasi*, 38(1), 179-200.
- Mohd Shahrul Azha Mohd Sharif, Arba'iyah Mohd Noor & Mohd Firdaus Abdullah. (2021). Belunggu Pemikiran Masyarakat Melayu Islam di Tanah Melayu: Peranan Majalah Qalam Sebelum Merdeka (1950-1957). *ISLĀMIYYĀT*, 43(1), 15-26.
- Mohd Shahrul Azha Mohd Sharif. (2021). *Peranan Majalah Qalam dalam Isu Sosiopolitik Masyarakat Melayu, 1950-1970*. [Thesis Doctor of Philosophy (Phd)]. Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Syed Muhd Khairudin Al-Junied. (2008). *The Aftermath of The Maria Hertogh Riots In Colonial Singapore (1950-1953)*. [Thesis Doctor of Philosophy (Phd)]. Department Of History, School of Oriental And African Studies (SOAS), University of London.